UMBC FINANCE BHD.

lwn.

AMTEK MOTORS SDN BHD & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-293-90]
10 JULAI 1993

RAYUAN JENAYAH: Keputusan Majistret di bawah s. 413 Kanun Prosedur Jenayah - Sebuah kereta telah disita untuk penyiasatan polis - Kereta telah diambil dari milikan responden kedua - Persoalan siapa berhak kepada milikan kereta - Sama ada responden kedua pembeli bona fide kenderaan tersebut - Sama ada Majistret telah membuat penentuan menurut undang-undang - Prinsip-prinsip di dalam penentuan milikan di bawah s. 413 Kanun Prosedur Jenayah.

Sebuah kereta telah disita dari responden kedua oleh polis untuk tujuan penyiasatan. Setelah tamat penyiasatan milikan kenderaan tersebut telah dirujuk kepada Mahkamah di bawah s. 413 KPJ. Kereta tersebut telah dijual oleh responden pertama kepada seseorang yang menggunakan kad pengenalan palsu dengan pinjaman melalui sewabeli dari perayu. Kad pendaftaran kereta tersebut juga adalah palsu. Kereta ini kemudiannya dijual kepada pihak ketiga yang kemudiannya dibeli oleh responden kedua.

Mahkamah Majistret setelah siasatan memerintahkan di bawah s. 413 KPJ supaya kereta tersebut dipulangkan kepada responden kedua. Pihak perayu kini merayu terhadap perintah tersebut.

Diputuskan:

[1] Isu utama ialah sama ada responden kedua ada memainkan apa-apa peranan atau mempunyai pengetahuan berkenaan rancangan menipu perayu.

[2] Majistret berkenaan di bawah s. 413 (1) KPJ perlu memerintahkan supaya kereta tersebut diserahkan kepada orang yang berhak kepada miliknya jika orang itu dapat ditentukan. Di bawah seksyen ini Majistret bukanlah Mahkamah sivil dan tidak berkuasa untuk memutuskan apa-apa pertikaian tentang hak milik atau titel terhadap sesuatu barang. Apa yang diputuskan hanyalah berkenaan milikan sahaja dan bukannya hak milik.

[3] Di dalam penentuan milikan adalah diandaikan sesiapa yang mempunyai milikan sebenar sebelum barangan tersebut disita adalah lebih berhak mendapat milikannya semula kecuali cukup jelas hak milikan adalah hak orang yang lain atau milikan orang tersebut tercemar oleh kejenayahan atau kecurangan.

[4] Dari keterangan dan hujahan tiada tohmahan yang menunjukkan responden kedua mengambil sebarang peranan dalam pakatan menipu perayu. Majistret dengan nyatanya tidak mendapati apa-apa terhadap responden kedua berkenaan hal ini. Secara implikasi Majistret mendapati responden kedua adalah seorang pembeli *bona fide*.

[5] Oleh sedemikian adalah didapati Majistret berkenaan telah bertindak dengan betul dalam memerintahkan kereta tersebut diserahkan kepada responden kedua.

[Rayuan ditolak].

Akta yang dirujuk:
Kanun Prosedur Jenayah, s. 413

Sumber-sumber lain dirujuk:
Sohoni's The Code of Criminal Procedure 1973, Edisi ke - 18, Jilid 5, mukasurat 4839, 4840

Bagi pihak perayu - Alaiza Merican; T/n. Nordin Torji & Yussof Ahmad
Bagi pihak responden kedua - Zulaiha Subohi; T/n. Ch'ng Lee & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Rayuan ini adalah berkenaan dengan sebuah kereta Honda Accord, nombor enjinnya ETI 2015898 dan nombor casisnya AD 453150, yang dikatakan telah dijual oleh Amtek Motors Sdn. Bhd. ("Amtek") yang berpejabat di Taman Maluri, Cheras.

Harga jualan kereta itu ialah RM40,040. Sejumlah RM10,040.40 telah dibayar sebagai pendahuluan dan sejumlah RM30,000 dibiayai oleh UMBC Finance Berhad ("UMBC") melalui Amtek. Dengan pembiayaan dari UMBC itu, Amtek telah menerima sepenuhnya harga kereta itu, dan kereta itu dikatakan telah dilepaskan kepada pembelinya. Orang yang disangka pembelinya ialah Yap Chee Woon, kad pengenalan 4949932.

Michael Lim ialah jurujual Amtek yang terlibat secara langusng dengan penjualan kereta itu, tetapi, menurutnya, dia hanya berurusan dengan seorang yang berupa sebagai wakil Yap

Chee Woon, yang telah datang ke premis Amtek dengan kad pengenalan Yap Chee Woon, tetapi Yap Chee Woon sendiri, dalam keterangannya, menafikan ada apa-apa kaitan dengan pembelian kereta itu. Dia berkata dia pernah kehilangan kad pengenalannya dan telah mendapat kad pengenalan ganti. Tidak ada sebab untuk tidak mempercayai Yap Chee Woon.

Jadi, jika benar keterangan Michael Lim itu, orang yang dia berurusan mengenai penjualan kereta itu ialah seorang penipu yang pasti telah menggunakan kad pengenalan Yap Chee Woon yang telah hilang itu. Tidak perlulah ditentukan dalam rayuan ini bagaimanakah perkara itu boleh berlaku, tetapi hakikatnya ialah bahawa urusan pembelian dan urusan pembiayaan wang bagi kereta itu telah disempurnakan tanpa sesiapa pun berjumpa dengan Yap Chee Woon yang sebenarnya dan tanpa Yap Chee Woon yang sebenarnya menandatangani apa-apa.

Adalah tidak jelas apa yang berlaku - dan tidak perlulah saya menentukannya - tetapi kesudahannya Amtek telah mendapat kad pendaftaran kenderaan, yang berupa sebagai kad pendaftaran Jabatan Pengangkutan Jalan, yang mengesahkan bahawa Yap Chee Woon, kad pengenalan 4949932, adalah pemilik berdaftar kereta itu yang telah didaftarkan dengan nombor WBK 2271. Kad pendaftaran itu tidak syak lagi adalah palsu oleh kerana, menurut rekod Jabatan Pengangkutan Jalan, nombor WBK 2271 ialah untuk sebuah motosikal Honda yang berdaftar dalam nama Mohamad bin Mat Jusoh.

Tentang tarikh-tarikh pula, tarikh kelulusan pembiayaan oleh UMBC ialah 23 Disember 1986. Menurut Wan Mokhtar bin Wan Mohammad, pengarah Amtek, kereta itu telah dijual pada 28 Disember 1986. Menurut kad pendaftaran palsu itu, kereta itu telah didaftarkan pada 31 Disember 1986. Michael Lim mengaku menandatangani surat pemberitahu urusan jual beli kereta itu kepada Jabatan Pengangkutan Jalan yang bertarikh 29 Disember 1986. Apa yang saya fahami dari keterangannya ialah bahawa, pada masa dia menandatangi surat itu, nama pembeli dalam surat surat itu ialah Yap Chee Woon. Tentang nama dalam surat itu ialah Ngo Suk Hua @ Wu Soo Hwa dan bukan Yap Chee Woon, dia berkata bahawa seseorang telah memadamkan nama Yap Chee Woon dalam surat itu dan mengantikannya dengan nama Ngo Suk Hua.

a Pada 2 Januari 1987, UMBC telah menghantar cek pembiayaan sebanyak RM31,312.50 kepada Amtek, dan tarikh itu juga ialah tarikh yang terdapat dalam perjanjian sewa-beli kereta itu yang dihsilkan di antara UMBC dan "Yap Chee Woon". RM1,312.50 ialah komisyen untuk Amtek.

b Mungkin akan ditanya mengapa pada mulanya dikatakan bahawa Amtek menjual kereta itu, tetapi, pada kesudahannya, terdapat perjanjian sewa-beli kereta itu di antara UMBC dan "Yap Chee Woon". Penjelasannya ialah bahawa pengaturan atau perkiraan diantara UMBC dan Amtek mempunyai dua wajah. Satu wajahnya membuat seseorang pelanggan menyangka dia membeli kereta dari Amtek dengan bantuan pinjaman RM30,000 dari UMBC yang disandarkan pada kereta itu. Wajah yang satu lagi memberi gambaran seolah-olah UMBC telah membeli kereta itu dari Amtek dengan pembiayaan sebanyak RM30,000 itu dan kemudian memyewanya kepada pelanggan dibawah perjanjian sewa-beli.

c

d

Penglibatan Ngo Suk Hua @ Wu Soo Hwa itu dengan kereta itu diketahui dari keterangannya sendiri sahaja. Pada hujung bulan Disember 1986, iaitu pada kira-kira masa yang sama seperti peristiwa-peristiwa yang telah diceritakan tadi, Ngo telah disyorkan oleh seorang dikenali sebagai Tony Yeow dan dia percayai adalah jurujual Amtek supaya membeli kereta itu. Tony Yeow telah membawa Ngo ke premis Amtek dan telah menunjukkkan kereta itu kepadanya. Tempat itu ialah di Taman Maluri, Cheras. Saya mengganggap bahawa premis itu ialah premis Amtek yang sama di mana kereta itu dijual kepada "Yap Chee Woon". Ngo mempercayai segala-galanya adalah teratur. Dia ingin membeli kereta itu untuk Chang Wing Yong, "abang menantunya", iaitu responden kedua. Harga jualan ialah RM35,000. Dia membayar kepada Tony Yeow wang tunai RM10,000 dahulu di premis Amtek. Pada 6 Januari 1987 dia telah membayar dengan cek tunai kepada Tony Yeow sebanyak RM20,000. Dia juga telah membayar kepada Tony Yeow RM5,000, mungkin pada hari yang sama. Ngo telah diberi resit Amtek. Dia telah pergi ke rumah Tony Yeow untuk mendapatkan kereta itu. Dia berkata urusan pendaftaran di Jabatan Pengangkutan Jalan telah dilakukan oleh seorang bernama Ho Kum Hooi yang dia telah kenal lama.

e

f

g

h

i

Nombor pendaftaran yang diberikan untuk kereta itu, ialah WBK 8119. Ngo mempunyai sebuah kereta Volvo lama, nombor AAB 999. Kedua-dua nombor itu telah disaling-tukar supaya kereta Honda itu mendapat nombor AAB 999 dan kereta Volvo lama itu mendapat nombor WBK 8119. Kereta Honda Accord itu telah didaftarkan dalam nama Ngo pada 7 Januari 1987 dengan nombor AAB 999 tanpa tuntutan hak milik. Menurut Ngo, Chang Wing Yong kemudiannya telah membayar kepadanya harga kereta itu. Pada 5 Januari 1988 kereta itu telah didaftarkan dalam nama Chang Wing Yong.

Menurut Michael Lim, Tony Yeow bukan jurujual Amtek. Wang yang dikatakan dibayar kepada Tony Yeow oleh Ngo tidak diterima oleh Amtek. Tony Yeow telah menggunakan cek tunai RM20,000 itu untuk menjelaskan hutangnya kepada seorang yang bernama Yeow Soon Hong. Dialah yang telah menunaikan cek itu dan, setelah mengambil hutangnya sebanyak RM3,000, telah memulangkan bakinya kepada Tony Yeow. Yeow Soon Hong mengakui dia telah dibuang daerah ke Terengganu kerana menjalankan urusan memberi pinjam wang tanpa lesen dan juga kerana disyaki menjadi anggota sindiket curi kereta.

Tidak hairanlah UMBC tidak mendapat apa-apa bayaran balik pembiayaan RM30,000 itu. Mereka mengetahui tentang penipuan itu hanya setelah mereka menulis surat pada 30 Julai 1987 kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk meminta butir-butir setelah mendengar kononnya kereta itu telah dipindah milik tanpa kebenaran mereka. Menurut Wan Mokthar, UMBC memberitahunya tentang penipuan itu pada 25 Januari 1988. Pada 3 Mei 1988 dia telah membuat laporan polis tentang perkara itu.

Polis kemudiannya telah mengambil kereta itu dari milik Chang Wing Yong dan akhirnya telah merujukkan perkara itu kepada Majistret di bawah seksyen 413 Kanun Prosedur Jenayah untuk mendapatkan perintah kepada pihak manakah kereta itu hendak dipulangkan. Majistret yang berkenaan telah memerintahkan, setelah membuat penyiasatan, supaya kereta itu dipulangkan kepada Chang Wing Yong.

UMBC sekarang merayu terhadap perintah itu. Secara sampingan, saya patut menyebut bahawa, pada pandangan saya, Amtek, yang dijadikan responden pertama, tidak sepatutnya terlibat dalam rayuan ini. Pihak-pihak yang sepatutnya ialah UMBC sebagai perayu dan Chang Wing Yong sebagai responden.

Fakta-fakta yang dibentang tadi jelas menunjukkan satu rancangan bijak, yang direka oleh seseorang dan dilaksanakan dengan bantuan seorang atau beberapa orang lain, untuk mendapat untung dengan memperdayakan UMBC. Secara kasarnya, rancangan itu adalah begini. Mula-mula, dapatkan kad pengenalan yang telah hilang kepunyaan seseorang. Gunakan kad pengenalan itu untuk menjadikan orang itu, secara palsu sebagai bakal pembeli kereta. Sediakan wang sebanyak RM10,000.40. Hantar seseorang ke Amtek untuk mengatur pembelian kereta itu dan pembiayaannya bagi pihak pembeli palsu itu. Orang itu membayar RM10,040 pendahuluan. Apabila pembiayaan diluluskan, aturkan untuk mendapat pendaftaran palsu bagi kereta itu, yang menunjukkan bahawa kereta itu telah didaftarkan, tetapi dengan nombor yang sudahpun diberi kepada kenderaan lain, dan bahawa keempunyaan kereta itu dituntut oleh UMBC. Sesudah itu, UMBC akan membayar baki harga kereta itu kepada Amtek. Dengan itu Amtek mendapat bayaran sepenuhnya harga kereta itu. Kemudian jualkan kereta itu kepada seseorang lain dengan RM35,000. Dengan cara itu, keuntungan RM25,000 akan dibuat oleh pereka rancangan itu dan UMBC akan kehilangan RM30,000 dan faedah.

Bagi maksud-maksud permohonan di bawah seksyen 413, dan juga rayuan ini, tidaklah perlu dibuat **finding** tentang sama ada seseorang dalam syarikat Amtek sendiri telah mengambil bahagian menjayakan rancangan itu, walaupun saya ingin berkata bahawa sesiapa pun akan bertanya bagaimana rancangan seperti itu dapat berjaya tanpa subahat di pihak seseorang atau beberapa orang dalam Amtek. Apa yang perlu ditentukan ialah sama ada Chang Wing Yong mengambil apa-apa peranan dalam rancangan itu atau mempunyai apa-apa pengetahuan tentangnya atau sama ada dia adalah seorang yang terasing langsung daripada rancangan itu. Perkaitan Chang dengan pemerolehan kereta itu adalah semata-mata melalui Ngo, dan, untuk menentukan soal penglibatan Chang atau sebaliknya dalam rancangan itu, apa yang ada untuk ditimbang hanyalah keterangan Ngo sendiri oleh kerana Chang tidak dipanggil untuk memberi

keterangan dalam penyiasatan di hadapan Majistret itu walupun dia ada hadir, sekurang-kurangnya pada hari pertama, dan telah diwakili oleh Peguam sepanjang penyiasatan itu.

Biarlah saya terus berkata bahawa tidak ada sesiapa pun yang pernah menyarankan bahawa Chang mempunyai apa-apa peranan yang curang dalam urusan pemerolehan kereta itu. Peguam bagi UMBC, dalam penghujahan bertulisnya, tidak membuat apa-apa dakwaan terhadap Chang. Perkara yang digesa terhadap Chang adalah semata-mata perkara undang-undang, iaitu bahawa Ngo tidak mempunyai hak milik terhadap kereta itu yang dia dapat memindahkan kepada Chang. Majistret yang bijaksana itu tidak dengan nyatanya membuat apa-apa **finding** tentang Chang. Tetapi mestilah difahami secara implikasi bahawa beliau mendapati Chang adalah pembeli kereta yang jujur oleh kerana beliau mendapati bahawa Ngo adalah seorang pembeli *bona fide* kereta itu yang tidak mengetahui tentang latarbelakangnya.

Walaupun dalam keterangan Ngo terdapat beberapa perkara yang boleh dipersoalkan tentang hal-hal keadaan dalam mana dia membeli kereta itu, tetapi terdapat juga perkara-perkara lain tentang hal-hal keadaan itu yang konsisten dengan Ngo tidak mengetahui tentang penipuan mengenai kereta itu. Tidak perlulah saya membentang perkara-perkara itu. Memadailah saya berkata bahawa, setelah menimbang segala-galanya, saya tidak mendapati diri saya dapat berkata Majistret itu salah dalam membuat kesimpulan bahawa Ngo adalah pembeli *bona fide* kereta itu yang tidak mengetahui tentang latarbelakangnya. Dalam penghujahan bertulisnya, Peguam bagi UMBC ada menarik perhatian kepada perkara-perkara yang boleh dipersoalkan itu, tetapi hanya untuk menggesa bahawa Ngo tidak membeli kereta itu dari Amtek dan, oleh yang demikian, hak milik terhadap kereta itu tidak berpindah kepadanya, dan bukanlah untuk menyarankan bahawa Ngo telah mendapatkan kereta itu secara curang.

Dalam penghujahannya di hadapan saya, Peguam bagi UMBC ada berkata bahawa Ngo bukanlah seorang pembeli *bona fide*, tetapi beliau tidak menampung dakwaannya dengan menyarankan apakah sebenarnya peranan dan kepentingan Ngo. Dari perkara-perkara yang boleh dipersoalkan itu yang saya sebut tadi, seburuk-buruknya yang dapat disyaki tentang Ngo ialah bahawa dia mengetahui dia membeli kereta itu dengan harga yang RM5,000 lebih murah daripada harga biasanya dan, oleh yang demikian, dia mengetahui atau sepatutnya mengetahui kereta itu terlibat dalam kegiatan curang, tetapi, sebagaimana saya katakan tadi, terdapat juga perkara-perkara lain yang dapat melawan atau menghilangkan kesan syak itu, di samping ianya tidakpun disarankan oleh Peguam bagi UMBC dalam pemeriksaan balasnya terhadap Ngo dan dalam penghujahannya.

Apa yang Majistret yang bijaksana itu perlu melakukan di bawah seksyen 413 (1) Kanun Prosedur Jenayah ialah memerintahkan supaya kereta itu diserahkan kepada orang yang berhak kepada milik atau posesinya, jika orang itu dapat ditentukan. Undang-undangnya adalah jelas. Di bawah seksyen itu, Majistret bukanlah Mahkamah sivil dan tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa pertikaian tentang hak milik atau titel terhadap sesuatu barang. Kedudukannya dijelaskan di mukasurat 4840, Jilid 5, buku **Sohoni's The Code of Criminal Procedure, 1973**, Edisi ke-18, seperti berikut:

> In considering the question as to who is entitled to possession of the property, there is always a presumption that the person actually in possession of the property is, unless the contrary is shown, the owner thereof. The Magistrate is not a civil Court and has no power to decide any dispute about the title to the property. The section does not authorise a Magistrate to decide which party is the rightful owner of the property. His enquiry is limited to finding which party is entitled to possession of the property. Once the Magistrate ascertains the person from whose possession the property was seized and whose possession was not unlawful, he must hold to be entitled to the possession of the same. In order to decide which of these parties is the person entitled to the possession of the property; he must give possession to the person so entitled, having regard to the indisputable or admitted facts, and leave the contending parties to fight out their rights in a civil Court.
>
> It has been held by several High Courts that if the title to the seized property is doubtful, it should be returned to the person from whom it was seized, unless there are special circumstances which render such a course unjustifiable. If a person is not supposed to be guilty of any offence, he should not lose possession of the property. If property was

seized from his possession, he is entitled to get back possession for the question of title can only be determined by a civil Court.

Kereta itu telah diambil dari posesi Chang. Dari keterangan yang ada, tidaklah terdapat apa-apa sebab untuk boleh berkata Chang mendapatkan posesi kereta itu secara curang atau telah melakukan apa-apa kesalahan berkaitan dengan kereta itu. Tidaklah ada alasan bagi mengatakan dia mendapat posesi terhadap kereta itu tidak secara **lawful**. Dia berhak kepada posesi kereta itu. Hakikat bahawa dia adalah didaftarkan sebagai tuanpunya kereta itu menyokong haknya terhadap posesi kereta itu.

Di mukasurat 4839 buku yang sama, ada dikatakan seperti berikut:

Where it is proved that the person from whose possession the property was seized came by it dishonestly, the Magistrate may have to consider the question of title. But where the person from whose possession the property was seized is not shown to have committed any offence in relation to that property which means he was lawfully in possession, he would be entitled to possession.

Kes UMBC terhadap Chang bukanlah kes yang jelas dan mudah. Ini boleh difahami jika kita andaikan bahawa pihak polis, setelah mendapati kereta itu dalam posesi Chang, tidak memilih untuk menyita kereta itu terus, tetapi telah menangguhkan tindakan itu sehingga mereka telah menyiasat selanjutnya dan, setelah menyiasat selanjutnya, mereka mendapati - sebagaimana saya sangka mereka sebenarnya mendapati dalam kes ini - bahawa mereka tidak mempunyai asas atau keterangan untuk mendakwa sesiapa kerana sesuatu kesalahan berkaitan dengan kereta itu dan, oleh yang demikian, mereka tidak langsung menyita kereta itu dan kereta itu terus berada dalam posesi Chang. Untuk mendapat posesi kereta itu, UMBC perlulah mendakwa Chang secara terus dalam guaman sivil. Persoalan utama dalam guaman itu ialah apakah asas undang-undang atas mana UMBC boleh menuntut posesi terhadap Cheng, dan itu, pada hemat saya, adalah suatu persoalan yang sukar hendak diputuskan. Kesukaran itu dapat dilihat jika diandaikan bahawa, sebagai alternatif, UMBC menuntut gantirugi terhadap Chang. Apakah yang akan menjadi asas undang-undang bagi UMBC menuntut gantirugi terhadap Chang? Itu adalah soal undang-undang yang rumit, yang mana seseorang Majistret, bertindak di bawah seksyen 413, tidak berkelengkapan dan tidak dikehendaki untuk mendalami dan memutuskan. Seksyen 413 tidak dimaksudkan untuk dijadikan sebagai jalan pintas (**short cut**) untuk memutuskan pertikaian yang rumit diantara dua pihak tentang hak muktamad kepada sesuatu barang yang, secara kebetulannya, telah disita oleh polis. Tujuan seksyen 413 ialah untuk mengadakan cara yang amanah untuk melepaskan dari pegangan polis barang-barang yang mereka telah menyita. Oleh yang demikian, jika sesuatu barang itu telah disita dari posesi seseorang, maka, secara *prima facie*, barang itu patutlah dipulangkan kepada posesi orang itu - atas andaian bahawa dialah yang paling berhak kepada posesi - melainkan adalah cukup jelas bahawa hak terhadap posesi adalah pada pihak lain atau bahawa posesi orang itu tercemar oleh kejenayahan atau kecurangan.

Saya berpendapat bahawa Majistret yang bijaksana itu telah bertindak betul dalam memerintahkan kereta itu diserahkan kepada Chang dan saya menolak rayuan ini.